

# Skim perlindungan untuk B40 dilancar

UM-25/1/2019 m/s:6

**PUTRAJAYA 24 Jan.** - Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad melancarkan Skim Perlindungan Nasional B40 (mySalam) dengan menawarkan perlindungan insurans dan takaful kesihatan secara percuma.

Dr. Mahathir berkata, skim itu menyediakan perlindungan takaful kepada golongan B40 yang menerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dan memberi manfaat kepada 3.69 juta rakyat berumur 18 hingga 55 tahun.


Menurut beliau, inisiatif itu dapat membantu golongan B40 menangani kesulitan kewangan akibat kemasukan ke wad hospital kerajaan atau ditimpa satu daripada 36 penyakit kritikal yang tidak diduga.

“Kerajaan Pakatan Harapan merasai keperitan ditanggung oleh rakyat yang hilang mata pencarian akibat sakit atau kemalangan,” katanya ketika berucap merasmikan skim mySalam di sini hari ini.

Turut hadir Menteri Kewangan, Lim Guan Eng; Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Great Eastern Holdings Bhd., Khor Hock Seng.

Menurut Dr. Mahathir, skim mySalam yang diperkenalkan oleh kerajaan merupakan satu langkah signifikan untuk merangka sebuah dasar pembangunan kewangan yang lebih inklusif di Malaysia.

“Skim ini juga bertujuan un-



**DR. MAHATHIR MOHAMAD** menyaksikan penyerahan tabung mySalam bernilai RM2 bilion oleh Khor Hock Seng (dua dari kanan) kepada Lim Guan Eng semasa majlis pelancaran Skim Perlindungan Nasional B40 itu di Putrajaya, semalam. Turut sama, Dr. Dzulkefly Ahmad (kiri). - UTUSAN/RASHID MAHF

tuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman dalam kalangan B40 mengenai perlindungan insurans dan takaful, ia melibatkan sumbangan permulaan yang besar iaitu sebanyak RM2 bilion-daripada syarikat insurans dan takaful

Great Eastern Life,” katanya.

Sementara itu Guan Eng berkata, penerima mySalam layak mendapat perlindungan kesihatan secara percuma untuk 36 jenis penyakit kritikal termasuk kanser, serangan jantung, dan

alzheimer.

Katanya, penerima akan mendapat bayaran secara *one-off* sebanyak RM8,000 sekiranya dikenal pasti menghidapi salah satu daripada penyakit kritikal tersebut.